

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.02/11.11/1/2022 (13)

17 Oktober 2021
10 Rabiulawal 1443

PEKELILING BENDAHARI BIL. 04/2021

PENGURANGAN YURAN BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022 SEBANYAK 20% KEPADА PELAJAR WARGANEGARA MALAYSIA

Universiti Teknologi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 115 bertarikh 14 Oktober 2021 telah meluluskan pengurangan yuran Semester 1 Sesi 2021/2022 sebanyak 20% kepada pelajar warganegara Malaysia seperti yang diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 14 September 2021.

2. **Pengurangan yuran sebanyak 20% ini melibatkan Yuran Pengajian (meliputi komponen yuran perkhidmatan dan yuran pelajaran) bagi Semester 1 Sesi 2021/2022.** Para pelajar adalah diminta merujuk Soalan Lazim Pengurangan Yuran 20% yang disediakan oleh Jabatan Bendahari seperti di lampiran.
3. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diemelkan ke Jabatan Bendahari melalui email bendahari-ukp@utm.my

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.02/11.11/1/2022 (13)

17 Oktober 2021
10 Rabiulawal 1443

BURSAR CIRCULAR NO. 04/2021

REDUCTION OF TUITION FEE BY 20% FOR SEMESTER 1, SESSION 2021/2022 FOR MALAYSIAN STUDENTS

Universiti Teknologi Malaysia through the UTM Board of Director Meeting no. 115 dated 14th October 2021 has approved a 20% fees reduction for Semester 1 Session 2021/2022 for Malaysian students as announced by the Minister of Higher Education, YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad on 14 September 2021.

2. **The 20% fees reduction is applied to Tuition Fee (service fee and study fee components) of Semester 1 Session 2021/2022.** Students are advised to refer to the 20% Fee Reduction FAQs prepared by the Office of The Bursar as attached.

3. Any inquiries related to this matter can be forwarded to the Office of The Bursar via email at bendahari-ukp@utm.my

Thank you.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD)

The Bursar

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro- Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SEKSYEN KEWANGAN PELAJAR, JABATAN BENDAHARI

**Soalan Lazim Berkaitan Pengurangan Yuran Semester 1 Sesi 2021/2022
Sebanyak 20% Kepada Pelajar Warganegara Malaysia**

- Q 1. Kerajaan telah mengumumkan pengurangan yuran sebanyak 20% bagi semester 1, 2021/2022 (Oktober 2021) kepada pelajar warganegara Malaysia. Apakah keputusan Universiti berikutan pengumuman kerajaan ini?**

Universiti Teknologi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 115 bertarikh 14 Oktober 2021 telah meluluskan pengurangan yuran Semester 1 Sesi 2021/2022 sebanyak 20% kepada pelajar warganegara Malaysia seperti yang diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 14 September 2021.

Pengurangan yuran sebanyak 20% ini melibatkan Yuran Pengajian (meliputi komponen yuran perkhidmatan dan yuran pelajaran) bagi Semester 1 Sesi 2021/2022.

- Q 2. Bagaimanakah mekanisma pelaksanaan pengurangan yuran 20% ini di akaun pelajar?**

Mekanisma pelaksanaan pengurangan yuran 20% di akaun pelajar adalah seperti berikut:

Bil	Status Pelajar	Mekanisma	Tempoh pelaksanaan
1	Selesai membayar yuran keseluruhan	Pemulangan terus ke akaun bank pelajar atau penaja.	Dalam tempoh 30 hari bekerja setelah semester bermula (dengan syarat pelajar telah mendaftar kursus pada semester 1, 2021/2022 dan/atau maklumat akaun bank pelajar adalah tepat, lengkap dan aktif)
2	Belum selesai membayar yuran keseluruhan	Pelarasan caj yuran semester 1, 2021/2022	Pelarasan yuran pelajaran bagi pelajar Kerja Kursus dan Mod Campuran yang berdasarkan jumlah jam kredit kursus yang didaftarkan, akan dibuat selepas tempoh Pembetulan Kursus Berdenda. Tarik Diri Kursus selepas tempoh tersebut, tidak akan mempengaruhi kadar yuran pelajaran (Pekeliling Akademik SPS Bil. 4 /2016)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- Q 3. Adakah saya perlu membuat permohonan pengurangan yuran 20% ini?**
Tidak perlu.

- Q 4. Bagaimakah saya boleh menyemak jumlah yuran perkhidmatan dan yuran pelajaran semester 1, 2021/2022 serta menyemak sama ada pengurangan yuran 20% telah dibuat pada akaun pelajar saya?**

- a. Yuran perkhidmatan dan yuran pelajaran semester 1, 2021/2022 boleh disemak di akaun pelajar, bahagian “**Debit**” di portal MyUTM atau Aplikasi UTMSmart.
- b. Bagi pelajar yang belum selesai membayar yuran keseluruhan, pelarasan pengurangan yuran boleh disemak di bahagian “**Credit**” bagi semester 1, 2021/2022 dengan no. rujukan: **xxxxxxNU0215**.

UTMSmart Apps: Financial Status

“Debit”

Session	Outstanding
202120221	RM 927.00

Item	Ref. No	Amount (RM)
SERVICE FEE	STD-CHARGE	314.00
STUDY FEE	STD-CHARGE	660.00

Total Amount (RM)	
974.00	

Credit	
<input type="checkbox"/>	

Payment Method	
<input checked="" type="radio"/>	

Receipt	
<input type="checkbox"/>	

PAY NOW

“Credit”

Session	Outstanding
202120221	RM 732.00

Item	Ref. No	Date	Amount (RM)
STUDY FEE	150034NU0215	15/10/2021	132.00
SERVICE FEE	150034NU0215	15/10/2021	63.00

Total Amount (RM)	
242.00	

Credit	
<input type="checkbox"/>	

Payment Method	
<input checked="" type="radio"/>	

Receipt	
<input type="checkbox"/>	


PAY NOW

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- Q 5. Saya adalah pelajar yang telah selesai membuat bayaran yuran semester 1, 2021/2022 sepenuhnya. Apakah tindakan yang saya perlu ambil untuk memastikan proses pemulangan yuran kepada saya berjalan lancar?**


Pelajar perlu memastikan nombor akaun bank yang telah didaftarkan dalam sistem universiti adalah milik pelajar, tepat dan masih aktif.

Semakan boleh dibuat melalui portal MyUTM (*login* portal MyUTM > My Profile > Student Info > Financial > Scholarship Status tab). Rujuk gambar di bawah.



- Q 6. Maklumat akaun bank saya belum didaftarkan atau maklumat akaun bank saya tidak tepat / tidak aktif, apa yang perlu saya lakukan?**

Mohon emelkan penyata akaun bank atau screenshot *online banking* (wajib ada paparan nama dan nombor akaun bank) ke bendahari-ukp@utm.my. Pelajar hanya **dibenarkan mengemaskini maklumat akaun Bank CIMB atau Bank Islam sahaja**.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Q 7. Bilakah tarikh akhir pengemaskinian maklumat akaun bank ini?

Pelajar disarankan mengemaskini secepat mungkin.

Q 8. Maklumat akaun bank saya di portal MyUTM adalah tepat dan aktif. Adakah saya perlu membuat pemakluman ke Jabatan Bendahari?

Tidak perlu.

Q 9. Apakah kesan jika bayaran pemulangan dibuat kepada akaun bank yang tidak tepat atau tidak aktif?

Jika bayaran pemulangan kali pertama telah ditolak oleh pihak bank, bayaran pemulangan kali kedua akan diproses semula dalam tempoh 30 hari bekerja setelah Jabatan Bendahari menerima maklumat akaun bank yang tepat dan aktif daripada pelajar.

Q 10. Bolehkah bayaran pemulangan dibuat kepada akaun bank keluarga terdekat atau rakan?

Tidak boleh.

Q 11. Saya adalah pelajar yang telah selesai membuat bayaran yuran semester 1, 2021/2022. Adakah emel notifikasi akan dihantar setelah bayaran pemulangan yuran selesai dilaksanakan oleh Jab Bendahari?

Tiada emel notifikasi akan dihantar. Pelajar perlu membuat semakan terhadap akaun bank yang didaftarkan secara berkala. Rujuk soalan no. 2 untuk tempoh proses pemulangan. Sekiranya masih belum menerima bayaran selepas tempoh tersebut, mohon emel ke bendahari-ukp@utm.my.

Q 12. Bagaimana untuk menghubungi Jabatan Bendahari?

Seksyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari - UTM JB	Jabatan Bendahari - UTM KL
Jabatan Bendahari menggalakkan pelajar untuk menghantar e-mel kerana sebahagian besar kakitangan bekerja dari rumah dan datang ke pejabat secara bergilir.	
<u>Talian Am:</u> +6 (07) – 5530179 +6 (07) – 5530235 +6 (07) – 5530117 +6 (07) – 5530152 +6 (07) – 5530597 +6 (07) – 5530087 +6 (07) – 5530215	<u>Talian Am:</u> +6(03) - 2615 4296 +6(03) - 2615 4303 +6(03) - 2615 4673
E-mel: bendahari-ukp@utm.my *Sila nyatakan nama penuh dan nombor Matrik dalam e-mel anda	E-mel: bendahari.kl@utm.my *Sila nyatakan nama penuh dan nombor Matrik dalam e-mel anda

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Q 13. Adakah kaunter Seksyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari dibuka sepanjang tempoh Plan Pemulihan Negara?

Ya, dibuka dengan temujanji bermula Oktober 2021. Mohon emel untuk mendapatkan slot temujanji.

Disediakan oleh/ *Prepared by:*

Seksyen Kewangan Pelajar/*Student Financial Section*

Jabatan Bendahari UTM/*Office of the Bursar UTM*

Kemaskini/*Updated:* 17 Oktober 2021/ *17 October 2021*